

Risiko maut

Oleh Hidayah
Mohammad

hidayah_mohammad
@bh.com.my

» **Dapatkan pemeriksaan awal tangani penyakit pneumokokal**

BH 10/11/13 ms 7

Tahap kesedaran ibu bapa terhadap pengamalan suntikan vaksin untuk bayi baru dilahirkan perlu ditingkatkan untuk mengelak dijangkiti penyakit pneumokokal (PnD) yang boleh membawa maut.

Ibu bapa yang tidak mengendahkan kewujudan bakteria *streptococcus pneumonia* boleh membawa padah! Dapatkan rawatan segera jika ada tanda-tanda awal seperti anak demam panas, pernafasan anak terlalu cepat, tidak bermaya dan hilang selera makan atau minum.

Pada peringkat global, kempen memberi suntikan vaksin pneumokokus dipergiatkan kepada seluruh kanak-

Asia mencatat jumlah paling tinggi, termasuk penyakit invasif dan bukan invasif.

Justeru, selain suntikan vaksin, agensi kesihatan dunia bergabung tenaga menjimatkan kos rawatan dengan menggalakkan peningkatan tahap kebersihan air dan alam sekitar sebagai langkah pencegahan.

WHO dan pertubuhan kesihatan lain menyarankan supaya menjadikan pemvaksinasi pneumokokus sebagai sebahagian daripada Program Imunisasi Kebangsaan (NIP).

Banyak negara seperti Hong Kong, Maghribi, United Kingdom, Amerika Syarikat, Israel, Jepun dan negara



KEMPEN
ITU JUGA
MENGGESE
KERAJAAN



diberi tiga hingga empat kali bagi membantu menghalang jangkitan bakteria *streptococcus pneumonia* yang menyerang paru-paru dan menyebabkan komplikasi kepada kanak-kanak dan warga emas.

Kempen itu dilakukan atas inisiatif Pakatan Strategik Pencegahan Penyakit Pneumokokal Asia (ASAP) dan Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA) bagi membolehkan semua kanak-kanak di negara ini mendapat

FAKTA NOMBOR

1.25

juta kanak-kanak di seluruh dunia mati akibat PnD pada 2011

14.5

juta kanak-kanak terdedah kepada risiko jangkitan PnD

Usia 5

tahun lebih mudah terdedah PnD

Usia 50

tahun ke atas warga tua mudah terdedah PnD

kanak sudah diperhebatkan bagi menyelamatkan mereka daripada risiko maut, sejak April lalu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melancarkan kempen berkenaan dengan matlamat dapat mengurangkan kematian kanak-berkenaan menjelang 2025.

Mengikut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati, kira-kira 1.25 juta kanak-kanak di seluruh dunia maut akibat penyakit berkenaan, pada 2011.

Seramai 14.5 juta kanak-kanak di seluruh dunia pula berhadapan risiko jangkitan penyakit itu dengan rantau

Asia (Singapura dan Filipina) sudah memberi suntikan vaksin secara percuma.

Kos mahal

Di Malaysia, isu pemberian suntikan vaksin percuma pernah disebut, Kementerian Kesihatan sedang mempertimbang untuk memasukkan vaksin pneumokokal ke dalam Program Imunisasi Kebangsaan (PIK) tetapi terdapat beberapa kekangan bagi merealisasikan hasrat itu.

Antaranya faktor kos adalah kekangan utama kepada usaha itu kerana setiap suntikan pneumokokal mencecah sehingga AS\$20 (RM60.85) dan perlu

MENJADIKAN KESIHATAN KANAK-KANAK SEBAGAI AGENDA UTAMA

Chan Li Jin,
Pengasas
Myhealth
Outreach

Kempen YES to PnD

Malaysia juga tidak terkecuali mahu menangani penyakit berkenaan dengan sebaiknya dan program suntikan vaksin secara umpamanya juga sedang dipertimbangkan dengan melihat pelbagai aspek terutama dari segi kos.

Pada masa sama, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu menerusi Parenting2U juga menjalankan Kempen YES to PnD Protection (Ya kepada Perlindungan PnD) bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan suntikan vaksin kepada kanak-kanak sebagai langkah pencegahan.

vaksin pneumokokus dan menjalani kehidupan yang sihat.

Pengasas Myhealth Outreach yang juga Pengasas Parenting2u.com, Chan Li Jin, berkata kempen itu juga menggesa kerajaan menjadikan kesihatan kanak-kanak sebagai agenda utama dengan memberikan suntikan vaksin percuma seperti dilakukan di negara lain.

"Pada masa sama, ibu bapa juga perlu lebih prihatin terhadap pengambilan vaksin itu bagi melindungi anak daripada jangkitan penyakit itu.

"Kita juga meraih sokongan daripada ibu bapa dengan mengisi kad ikrar

YES to PnD Protection dan memasukkannya ke dalam kotak ikrar yang disediakan di klinik kanak-kanak.

"Bahagian kedua kad ikrar itu hendaklah disimpan oleh ibu bapa sebagai kalendar rujukan pemvaksinan anak,"katanya, ketika memperkenalkan Kempen YES to PnD Protection di Mutiara Damansara, baru-baru ini.

Kempen ini berlangsung selama enam bulan sehingga akhir september dan selepas tempoh itu kad ikrar itu akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk memasukkan pemvaksinan PnD dalam Program Pelalian Negara.

Jangan pandang remeh

Tiga pakar kanak-kanak iaitu Perunding dan Pakar Kardiologi Kanak-Kanak Hospital Pakar Selangor KPJ, Datuk Dr Zulkifli Ismail; Perunding Pakar Pediatrik dan Kardiologi dari Klinik Pakar Kanak-kanak, Dr Yong Junina Fadzil dan Perunding Pediatrik dan Neonatologi dari Hospital Pakar Damansara, Datuk Dr Musa Mohd Nordin menggesa ibu bapa jangan mengambil remeh tahap kesihatan anak.

Berkongsi pengalaman berdepan dengan situasi itu, Dr Zulkifli yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang kesihatan kanak-kanak berkata, ada kanak-kanak gagal diselamatkan kerana tidak mendapat suntikan vaksin dan diberi rawatan awal.

"PnD adalah sekumpulan penyakit kompleks disebabkan oleh bakteria Streptococcus pneumonia



Dari kiri, **Chan Li Jin, Dr Yong, Dr Zulkifli dan Dr Musa** pada pelancaran kempen YES to PnD Protection, baru-baru ini.

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/ BH]

yang boleh menyebabkan jangkitan invasive, termasuk bakteremia atau sepsis iaitu jangkitan bakteria dalam darah. Bakteria ini juga menyebabkan

radang membran keliling saraf tunjang atau otak atau dipanggil meningitis, radang paru-paru (pneumonia) dan juga jangkitan telinga (otitis media).

"Penyakit berbahaya ini menyerang boleh menyerang kanak-kanak berusia enam minggu ke atas dan mereka yang berusia 50 tahun ke atas. Lebih parah, sekali saja jangkitan itu tanpa sebarang perlindungan ia boleh membawa maut selain mungkin ada yang kehilangan upaya,"katanya.

Kos mahal bukan alasan

Sementara itu, Dr Yong Junina berkata, jumlah kematian akan terus meningkat sekiranya ibu bapa terus berdiam diri dengan mengabaikan pengambilan suntikan vaksin untuk anak. Harga mahal membayar kos suntikan itu sepatutnya bukan alasan membiarkan anak terdedah kepada risiko penyakit.

"Sepatutnya bayi beru-

sia enam hari memerlukan tiga atau empat dos suntikan dengan harga RM300 setiap satu atau kira-kira RM1,000 bagi keseluruhan kos. Tanpa perlindungan itu virus boleh merebak dan mudah dijangkiti khususnya kepada warga emas,"katanya.

Lazimnya, orang dewasa mudah terdedah kepada pneumonia pneumokokal dan meningitis iaitu penyakit tidak invasif.

Selain risau terhadap kesihatan anak, Dr Musa pula berkata, ibu bapa juga perlu lebih prihatin terhadap kewujudan bakteria streptococcus pneumonia yang boleh dijangkiti mereka dan sebagai langkah pencegahan daripada merebak kepada anak-anak, mereka perlu mendapatkan suntikan vaksin.

INFO



Bakteria Streptococcus pneumonia:

- Ia adalah serum
- Boleh membawa kematian.
- Dianggarkan 1.6 juta kematian berlaku setiap tahun berpunca daripada bakteria ini.